

Pengetahuan dan Amalan Kepimpinan Tertinggi Majlis Belia Malaysia Menerajui Pembangunan Belia Positif dalam Dasar Belia Malaysia 2015-2035

Jufitri Joha^{1*} & Siti Raba'ah Hamzah²

¹ Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

² Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meneroka pengalaman dan amalan kepimpinan tertinggi Majlis Belia Malaysia (MBM) menerajui Pembangunan Belia Positif (PYD) yang merupakan teras utama Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035. Ulasan kepustakaan dan penilaian awal telah dibuat mengenai senario pembangunan belia, model program belia dan program serta aktiviti yang telah dilaksanakan oleh MBM daripada pelbagai sumber rasmi sekunder bagi membuka laluan bagi pelaksanaan suatu kajian lapangan yang lebih komprehensif berkaitan pengetahuan, amalan dan cabaran kepimpinan tertinggi MBM menerajui PYD yang menjadi teras utama DBM dalam senario semasa pembangunan belia. Sorotan literatur kajian ini dapat dirumuskan bahawa MBM merujuk DBM yang berteraskan PYD dalam setiap perancangan dan perancangan programnya namun tidak secara sistematik, strategik dan serius dalam merangka programnya, menyebabkan program banyak bersifat ad hoc dan tidak benar-benar dapat menyerlahkan potensi belia dan mencapai Matlamat 8C. Rumusan awal berdasarkan ulasan kepustakaan juga mencadangkan agar amalan terbaik bagi MBM menghasilkan Matlamat 8C dalam setiap program dan aktiviti adalah dengan merujuk DBM sebagai input dan mengaplikasikan Model Perencanaan Program Interaktif Caffarella dalam proses perancangan dan perancangan.

Kata Kunci: Majlis Belia Malaysia, Pembangunan Belia Positif, Dasar Belia Malaysia, Model Program Belia

ABSTRACT

This study was conducted to explore the experiences and practices of the top leadership of the Malaysian Youth Council (MBM) in leading Positive Youth Development (PYD) which is the main core of the Malaysian Youth Policy (DBM) 2015-2035. A literature review and initial assessment have been made on the youth development scenario, youth program model and programs and activities that have been implemented by MBM from various secondary official sources to pave the way for the implementation of a more comprehensive field study related to the knowledge, practices, and challenges of the top leadership of MBM leading PYD which is the main core of DBM in the current scenario of youth development. The highlights of the literature of this study can be summarized that MBM refers to DBM based on PYD in every planning and planning of its programs but not systematically, strategically, and seriously in designing its programs, causing many programs to be ad hoc and not really able to highlight the potential of youth and achieve 8C. The initial formulation based on literature review also suggests that the best practice for MBM to produce 8C in each program and activity is to refer to DBM as input and apply the Caffarella Interactive Program Planning Model in the planning and planning process.

Keywords: Malaysia Youth Council, Positive Youth Development, Malaysia Youth Policy, Youth Program Model

PENGENALAN

Sheikh Yusuf al-Qaradhawi (1996) menyebutkan bahawa khazanah kekayaan negara yang paling berharga ialah manusia dan sebaik-baik anugerah daripada manusia ialah zaman belianya. Golongan belia dan modal zaman kepemudaan merupakan aset yang paling berharga dalam sesebuah negara tidak terkecuali Malaysia. Hampir majoriti penduduk Malaysia merupakan belia (Haslinda et al., 2012; Jufitri, 2022) dan golongan ini yang ditakrifkan sebagai individu berumur 15 hingga 30 tahun (Dasar Belia Malaysia, 2015) membentuk 9.66 juta

*Corresponding author: jufitri1979@gmail.com

eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia pada tahun 2021 (Indeks Belia Malaysia, 2022). Justeru itu, menurut Samsudin (2007), proses pembangunan belia di Malaysia sangat penting bagi menyerlahkan potensi dan membina jati diri belia menjadi insan seimbang (istilah yang dipopularkan oleh Profesor Dzulkifli Abdul Razak) kerana mereka merupakan kelompok teras kepada sumber manusia dan pembentukan negara daripada aspek politik (pengundi), sosial (agen perpaduan) dan ekonomi (sumber tenaga kerja utama) (Asnarulkhadi, 2009).

Pembangunan belia di Malaysia dipandu dan dipacu oleh sebuah dokumen penting yang mendasari segala perencanan dan perancangan iaitu Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035. DBM merupakan dokumen falsafah yang menjadi kompas memandu arah tuju pembangunan belia negara. Teras utama DBM adalah pembangunan belia positif atau positive youth development (PYD) yang menatijahkan (outcome) Matlamat 8C untuk setiap belia iaitu Caring (Penyayang), Competent (Cekap), Character (Perwatakan), Confident (Keyakinan), Cooperation (Kerjasama), Considerate (Bertimbang rasa), Competitive (Berdaya saing) dan Contribution (Sumbangan).

Pembangunan belia merupakan sektor pendidikan informal yang menjadi feeder kepada pendidikan formal di sekolah dan institut pengajian lanjutan (Jufitri, 2022) bahkan kemenjadian seseorang belia menjadi pemimpin lebih berkesan dalam persekitaran informal persis seperti kata Mohammad Natsir, Perdana Menteri Indonesia bahawa pemimpin tidak lahir dalam bilik kuliah tetapi dalam hempas pulas kancah masyarakat. Dalam ranah pembangunan belia di Malaysia, terdapat dua pemegang taruh terbesar iaitu Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia yang mewakili sektor kerajaan manakala Majlis Belia Malaysia (MBM) mewakili sektor pertubuhan masyarakat madani (NGO). Kedua-dua merupakan aktor penting pembangunan belia Malaysia yang sering duduk bersama dalam pembuatan dasar dan keputusan berkaitan kepentingan belia di peringkat nasional. Justeru, kajian ini berhasrat memfokuskan kepada kepimpinan tertinggi MBM sebagai pemegang taruh terbesar pembangunan belia mewakili sektor NGO dan suara belia dalam memahami, menghayati dan penerapan gagasan penting PYD yang menjadi teras DBM dalam perencanan, perancangan dan implementasi program dan aktiviti pembangunan belia di Malaysia. Permasalahan ini ditimbulkan kerana tidak banyak kajian dilakukan untuk meneliti implementasi PYD yang menjadi teras DBM dalam aktiviti pembangunan belia terutamanya yang dilaksanakan oleh MBM sebagai pemegang taruh utama pembangunan belia negara. Kajian awal PYD di Malaysia oleh Mei-Mei (2009) adalah berkaitan aplikasi dan kesesuaian PYD diamalkan di Malaysia secara umum di mana kajian ini mendapati konsep umum PYD yang dimulakan di Amerika Syarikat bersesuaian dalam konteks pembangunan belia holistik di Malaysia walaupun mungkin berbeza dalam beberapa sub-konteks termasuk dalam elemen kerohanian. Kajian Wasitah (2012) pula mewakili pemegang taruh KBS, lebih tertumpu kepada penerapan elemen PYD dalam perencanan Program Rakan Muda Jiran Muda (RMJM) yang merupakan sebuah program di bawah bahagian Rakan Muda di mana KBS merupakan pemegang taruh pembangunan di pihak Kerajaan. Kajian ini merumuskan kedapatan elemen-elemen pendekatan pembangunan belia positif dalam pelaksanaan program RMJM dan mencadangkan kajian yang sama terhadap program pembangunan belia yang lain sebagai perbandingan dan dapatan serta implementasi PYD yang lebih meluas. Kajian Mursyid (2016) pula membuktikan kaedah pementoran kepimpinan dalam program pembangunan belia telah berjaya dalam membina PYD menerusi pengukuhan aset individu dan aset ekologi daripada proses pembelajaran pementoran. Namun begitu, belum ada kajian implementasi PYD yang menjadi teras DBM yang diterajui oleh MBM sebagai pemegang taruh terpenting pembangunan negara selepas KBS sekaligus mengesahkan kesesuaian PYD diamalkan dalam konteks pembangunan belia semasa.

Selaku lidah rasmi belia dan payung gerakan belia negara, salah satu daripada 3 fungsi utama MBM sebagai ialah sebagai penggubal dan pelaksana dasar-dasar belia dan pembangunan negara (Haslinda et al., 2013). MBM menggalas amanah penting untuk mengimplementasikan PYD yang menjadi teras DBM bagi memastikan Matlamat 8C tercapai dalam kalangan belia dalam setiap perencanan dan perancangan aktiviti dan program MBM.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan meneroka dan mendalami: 1.) Pengetahuan dan kefahaman kepimpinan tertinggi MBM terhadap pendekatan PYD yang menjadi teras DBM dalam program dan aktiviti yang dijalankan MBM; 2.) Pencapaian kepimpinan tertinggi MBM dalam melaksanakan aktiviti bermatlamat PYD dan; 3.) Cabaran dan halangan yang dihadapi kepimpinan tertinggi MBM untuk menterjemahkan dasar kepada praktis dan program pembangunan belia secara berperencana.

Secara umumnya kajian ini menyumbang kepada penerokaan bidang baharu iaitu pengetahuan dan amalan kepimpinan tertinggi MBM menerajui elemen praktis PYD yang menjadi teras utama DBM dalam menganjurkan program dan aktiviti pembangunan belia. Kajian ini menerokai peranan dan fungsi MBM selaku pemegang taruh utama pembangunan belia, pembuat dan pelaksana dasar sejauh mana MBM menjadikan DBM yang berteraskan PYD sebagai sumber rujukan dan pemandu dalam segala perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti, sekali gus melihat keberhasilan penghasilan Matlamat 8C yang mendasari keberkesanan DBM sebagai dokumen falsafah pembangunan belia yang merakyat dan mengakar umbi.

Secara teori, kajian ini juga menyumbang kepada pengetahuan sedia ada dalam bidang pembangunan belia dengan mengaitkan sumbangan MBM sebagai pemegang taruh pembangunan belia dengan menyumbang kepada pembentukan 8C dalam kalangan belia melalui program belia di bawah kelolaan dan anjuran MBM. Ia sekali gus memberikan penjelasan yang lebih lanjut terhadap dapatan kajian-kajian sebelum ini khususnya kajian pembangunan kesejahteraan aset belia Malaysia (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2015). Kepentingan kajian juga adalah daripada segi memberikan penyelesaian masalah dalam organisasi (Norfishah, 2021) seperti MBM. Hasil kajian ini diharapkan akan memberikan penekanan dan panduan kepada pemimpin pelapis pada masa akan datang akan kepentingan dan keseriusan memimpin MBM dengan merangka hala tuju, program dan aktiviti berdasarkan DBM yang berteraskan PYD, menggunakan model perancangan program Caffarella dan mempunyai output dan outcome yang jelas iaitu Matlamat 8C, aset dalaman dan aset luaran dan tidak mengamalkan urus tadbir secara ad hoc dan tangkap muat, apatah lagi sekadar menjadikan MBM sebagai batu loncatan ke arena politik sebagaimana yang dikritik terhadap MBM sebelum ini. Budaya berperencanaan mesti mendasari budaya kecemerlangan MBM sehingga MBM dihormati dan disegani serta dirasai kehadirannya oleh para belia dan masyarakat kerana MBM diyakini benar-benar berperanan menjalankan peranan dan fungsi utamanya.

Senario Pembangunan Belia di Malaysia

Perdana Menteri ke-10, Anwar Ibrahim pernah menyarankan agar kepimpinan belia menumpukan perhatian ke arah menyediakan program yang berwawasan untuk generasi muda bagi berhadapan dengan cabaran semasa dan gejala sosial (Bernama, 1996). Dewasa ini, Anwar Ibrahim telah melancarkan wawasan dan gagasan Malaysia Madani yang mempunyai citra melahirkan masyarakat yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan dan menegakkan kemuliaan insan serta prinsip keadilan (Anwar Ibrahim, 2022). Bagi melahirkan masyarakat madani, belia adalah teras dan aset utamanya. Pasti setiap negara yang mementingkan pembangunan akan memfokuskan kepada pembangunan sumber manusia (Rashila, 2005). Pembangunan sumber manusia yang cemerlang boleh dicapai salah satunya melalui ekosistem pembangunan belia sebagai sektor pendidikan informal. Pembangunan belia di Malaysia sangat subur dan mempunyai struktur yang baik daripada peringkat akar umbi sehingga ke peringkat nasional. Strategi pembangunan belia di Malaysia masih berasaskan pertubuhan belia bagi membina pelapis dan pewaris negara (Azimi & Turiman, 1996) dan pertubuhan belia di Malaysia diterajui oleh MBM.

Di Malaysia, DBM (2015-2035) mentakrifkan belia sebagai individu yang berumur dalam lingkungan umur 15 tahun sehingga 30 tahun. Ia merupakan takrifan baru yang telah dipinda pada tahun 2019 di Parlimen. Sebagai perbandingan di pentas global, Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) mentakrifkan belia sebagai satu frasa transisi daripada kanak-kanak ke alam dewasa iaitu dalam lingkungan umur 15 hingga 24 tahun (UNGA, 1995). Setakat ini tiada takrifan yang seragam dan ia merupakan perdebatan yang panjang melibatkan perbezaan lokaliti, budaya, konstruk sosial dan bidang. Dunia kini berhadapan dengan generasi muda yang lebih kompleks iaitu generasi Z yang mempunyai gaya berfikir dan gaya hidup berbeza yang memerlukan pendekatan pembangunan belia yang lebih inovatif dan mendepani zaman.

Terdapat tiga mekanisme dan struktur pemegang taruh pembangunan belia iaitu Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia dan MBM (Joha *et al.*, 2022). MPBN yang ditubuhkan pada 15 Mei 1971 semasa zaman kepimpinan Perdana Menteri ke-2 Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein (Majalah Pemimpin, 1971) berfungsi sebagai parlimen belia bagi menyalurkan suara dan isu belia akar umbi kepada pihak Kerajaan. Fungsi dan peranan MPBN kini turut didokong dengan penubuhan program Parlimen Belia Malaysia (Mohd Uzaini dan Suhana, 2018). Komposisi MPBN turut di anggotai KBS dan MBM. KBS ditubuhkan pada tahun 1964 (Hussein, 1997) yang bervisikan untuk mendidik dan membentuk belia menjadi insan yang seimbang, bertanggungjawab, mandiri, patriotik, tinggi semangat kesukarelawanan dan pemacu kepada kemajuan negara (Kementerian Belia dan Sukan, 2007). Teras pembangunan belia dalam struktur KBS adalah Bahagian Pembangunan Belia yang bertanggungjawab menyelaras dan melaksanakan program-program seperti Dasar Belia, MPBN, Pertukaran Belia Antarabangsa (IYEX), program kepimpinan dan sahsiah, program keusahawanan & TVET dan Rakan Muda (Jabatan Penerangan Malaysia, 1997). MBM sebagai mekanisme dan struktur ketiga pula ditubuhkan pada 1948 berfungsi sebagai badan perunding berkenaan hal ehwal belia di Malaysia, menjadi badan penyelaras kepada 40 badan gabungannya dan menjadi jawatankuasa kebangsaan, *national focal point* kepada pertubuhan belia antarabangsa seperti *World Assembly of Youth (WAY)* dan *Commonwealth Youth Council (CYC)* (Fasal IV Perlembagaan MBM, 2022). Selain itu juga, MBM berperanan menggubal, menambahbaik dan mengimplementasikan dasar belia agar mencapai matlamat unggul pembangunan belia dan dalam konteks DBM yang berteraskan PYD ialah untuk mencapai Matlamat 8C yang dibincangkan sebelum ini.

Ekosistem pembangunan belia negara turut diperkukuhkan dengan penggubalan dasar belia semenjak 1985, Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, penubuhan Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) bagi meregulasi pertubuhan belia di Malaysia, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Negara (IYRES) semenjak

2005, Pusat Belia Antarabangsa (IYC) Kuala Lumpur semenjak 1988, Indeks Belia Malaysia (IBM) semenjak 2006, Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB) semenjak 2000 dan Sambutan Hari Belia Negara 15 Mei bagi mengiktiraf dan menghargai pencapaian aktivis belia.

Kesemua komponen dan mekanisme ini menggambarkan kesungguhan pemegang taruh pembangunan belia negara bagi memastikan pembangunan belia berjalan sebaiknya bagi melahirkan belia unggul yang mencapai Matlamat 8C. Persefahaman dan kerjasama yang mantap khususnya KBS dan MBM sebagai pemegang taruh utama pastinya memberikan kebaikan dan kelebihan kepada pembangunan belia dan belia itu sendiri (Jufitri, 2022). Dunia pembangunan belia juga memasuki fasa baru apabila kerja belia profesional diperkenalkan. Kerja belia menurut Belton (2011) ialah profesion yang diamalkan oleh individu yang bekerja dengan belia dalam pelbagai keadaan untuk membangunkan belia. Kerja belia juga boleh ditakrifkan sebagai usaha membimbing dan mendidik belia dalam menerokai bakat dan potensi mereka ketika melalui proses transisi peralihan daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa yang lebih transformatif sifatnya (Azimi *et al.*, 2015). Di Malaysia, kerja belia profesional masih baru namun usaha ke arah merencangkannya giat dijalankan termasuk penghasilan piawaian kemahiran pekerjaan kebangsaan (NOSS) kerja belia, penawaran ijazah kerja belia di Universiti Putra Malaysia (UPM), penubuhan persatuan pekerja belia iaitu Federasi Kebangsaan Pekerja Belia (FKPB) pada 2017 & Sekolah Pembangunan Kerja Belia & Komuniti (SPKB) pada 2012 dan penubuhan pusat-pusat belia local yang digerakkan oleh *Adab Youth Garage* (AYG). Usaha yang penting juga yang belum terealisasi namun terus diperjuangkan ialah penggubalan akta kerja belia sebagaimana di negara-negara Komanwel yang lain. Dengan kewujudan akta ini bakal meregulasi dan memprofesional kerja belia di Malaysia, natijahnya pekerja belia akan menjadi kerjaya profesional yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan doktor, peguam dan arkitek.


Dasar Belia Malaysia (DBM)

Dunia pembangunan belia di Malaysia juga unik kerana mempunyai dasar belianya yang tersendiri (Muhamad Hanapi, 2021). Idea penggubalan dasar belia dicetuskan sendiri oleh MBM memandangkan keperluannya semenjak 1966 (Hussain, 1986). Setelah melalui proses yang panjang maka Kerajaan telah secara rasmi meluluskan Dasar Belia Negara (DBN) pada 18 Disember 1985 (Mohammad Redzuan, 2010) dan dilancarkan sempena Hari Belia Antarabangsa 1985. Dasar belia melalui evolusi apabila melalui semakan edisi kedua dan digantikan dengan Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) yang diperkenalkan pada 8 Disember 1997. Dasar belia mengalami semakan ketiga bagi memastikan relevansi dan mengambil semangat zaman atau *zeitgeist*, maka dasar yang lebih komprehensif dilancarkan sebagai Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035. DBM yang lebih dinamik berteraskan PYD dan mengambil pendekatan belia sebagai aset yang harus diserlahkan potensinya.

Pembangunan Belia Positif (PYD)

PYD ialah satu pendekatan dalam pembangunan belia memfokuskan pada *positive outcome* berbanding permasalahan belia hasil kombinasi potensi yang terdapat pada belia dengan dokongan masyarakat yang membentuk aset dalaman dan luaran yang membantu kepada peralihan yang baik daripada alam kanak-kanak kepada alam dewasa. Menurut Lerner *et al.* (2005), PYD merupakan satu proses yang memudahcara pembangunan belia positif melalui pembangunan pengetahuan, tingkah laku dan juga sikap positif. PYD beroperasi berdasarkan lima C yang dikenali sebagai *competence, confidence, character, connection*, dan *caring* serta C tambahan iaitu *contribution* yang terhasil daripada pelaksanaan 5C (Lerner *et al.*, 2012). Di Malaysia, DBM 2015-2035 telah mengembangkan Matlamat 8C daripada 5C yang telah diasaskan oleh Lerner. PYD merupakan pendekatan dengan paradigma baharu yang berbentuk pembangunan aset belia yang berupaya menyerlahkan potensi belia untuk mencapai Matlamat 8C meliputi *Caring* (penyayang), *Competent* (kecekapan), *Character* (perwatakan), *Confident* (keyakinan), *Cooperation* (kerjasama), *Considerate* (bertimbang rasa), *Competitive* (kompetitif) dan *Contribution* (sumbangan) (Ahmad Huzairi, 2016; IYRES, 2017).

Benson (1997) telah membangunkan asas yang kukuh kepada kerangka PYD iaitu 40 blok pembina pembangunan manusia. Benson menjelaskan bahawa kerangka aset pembangunan ini membolehkan ahli komuniti seperti keluarga, sekolah, kejuruan, perkumpulan dan pertubuhan belia bersatu atas satu misi dan strategi satu matlamat besar, iaitu untuk membangunkan belia yang sihat. Terkadang anggota masyarakat lupa bahawa mereka mempunyai peranan besar bersama untuk membangunkan belia. Oleh itu, 40 blok ini menjadi kerangka utama yang menyatukan belia dan masyarakat ke arah hidup belia yang lebih sejahtera.



Rajah 1: Kategori Utama *Developmental Assets*
(Sumber: Benson (1997). *All Kids Are Our Kids*. Jossey-Bass)

Komponen 40 blok ini terbina kukuh atas literatur saintifik dan kajian lepas: *positive outcome*, hikmah pengamal, keseimbangan antara faktor dalaman dan luaran, terpakai untuk semua belia; dan mengenal pasti faktor komuniti yang bersedia untuk dipromosikan.

Rajah 1 menunjukkan dua kategori utama iaitu aset dalaman dan aset luaran. Setiap kategori masing-masing mempunyai empat jenis aset. Aset dalaman yang merujuk kepada kekuatan dalam juga dikenali sebagai aset individu manakala aset luaran yang merujuk kepada kekuatan persekitaran yang mendukung dikenali sebagai aset ekologi. Lapan jenis aset ini dikembangkan seterusnya menjadi 40 aset yang lebih terperinci. Sekumpulan pengkaji di Malaysia mengembangkannya pula kepada 48 aset. Kerangka *developmental assets* ini telah menyerlahkan usaha komuniti yang kreatif untuk menggerakkan kekuatan individu, pertubuhan dan institusi sosial. Ia juga menjadi platform penyatuan komuniti sekitar elemen pembangunan positif yang menjadi kebiasaan kepada setiap individu. Menurut Weikert dan Benson (1998), Benson telah membina aset positif untuk belia dan kanak-kanak daripada model *strength-base* untuk komuniti yang prihatin. Weikert dan Benson menegaskan bahawa Benson menyimpulkan gabungan daripada pembangunan belia dan komuniti yang sihat merupakan teras utama kepada pembinaan keluarga yang bahagia dan tanpa keluarga yang bahagia, maka belia tidak akan terbentuk dengan baik. Maka, 40 aset Benson merupakan kerangka asas terpenting dalam PYD yang turut dikembangkan oleh Lerner. Kedua-duanya merupakan model PYD (Mei-Mei, 2009) yang saling lengkap melengkapi dan menambahbaik.

Apabila belia mempunyai gabungan lebih banyak aset tersebut, maka belia akan berjaya untuk berkembang maju pada masa kini dan masa hadapan dengan jayanya (Haslinda *et al.*, 2015) dan berpotensi untuk tidak terlibat dan terdedah di dalam lingkungan yang berisiko dan menjadi belia yang senantiasa mempunyai daya bangkit, *resilience* bagi berhadapan dengan apa jua rintangan dan cabaran (Search Institute, 2018). *Resilience* menjadi indikator atau kayu ukur kepada kejayaan PYD (Lee *et al.*, 2012). Zeldin dan rakan-rakan (Zeldin *et al.*, 2016) telah mengembangkan konsep PYD kepada *Youth-adult partnership* (Y-AP) yang lebih efektif dan efisien. Y-AP merupakan kerjasama pintar antara belia dan orang dewasa dalam pembelajaran reflektif serta membuat keputusan dan tindakan bersama (Camino, 2000) yang wujud di dalam pelbagai platform seperti kerajaan tempatan, perkhidmatan kesukarelaan dan institusi kemasyarakatan. Y-AP memberikan kelebihan kepada kedua-dua belia dan orang dewasa memandangkan ia mampu meningkatkan keyakinan, kompetensi dan perhubungan dalam kalangan belia dan pada masa yang sama meningkatkan kemahiran orang dewasa yang bekerja bersama belia. Ini merupakan bentuk perhubungan mampan antara orang dewasa dan belia yang membentuk salah satu daripada tiga elemen utama pembangunan belia yang mempromosikan PYD selain aktiviti pembinaan kemahiran hidup belia dan aktiviti komuniti yang berteraskan kepimpinan dan partisipasi belia (Lerner *et al.*, 2007). PYD terus berkembang dalam pelbagai perspektif, lokaliti dan pendekatan termasuk di Malaysia. PYD menjadi teras utama DBM walaupun ia diletakkan dalam konsep ketiga DBM iaitu Futuristik, Relevan dan Terkini. Di bawah konsep ini, PYD merangkumi Matlamat 8C dan Aset Belia Malaysia yang bertujuan melahirkan generasi belia yang sihat, penyayang dan bertanggungjawab (Haslinda, *et al.*, 2015).


Model Program Belia

Menurut persepsi awam, sebagai pemegang taruh terbesar pembangunan belia di Malaysia, selain sebagai jurucakap *Bottom Billion* mengadvokasi isu-isu belia di pelbagai peringkat (Majlis Belia Malaysia, 2010), MBM telah banyak melaksanakan program pembangunan belia umum dan khusus. Program pembangunan belia umum mencakupi Sambutan Hari Belia Negara (HBN), Konvensyen Belia Kebangsaan (KBK), acara keraian, induksi dan *retreat* Ahli Dewan Tertinggi dan Ahli Jawatankuasa Kerja, Sidang Dewan Tertinggi dan Mesyuarat Exco, Majlis Perhimpunan Agung Tahunan (MPAT), Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN), program *impromptu* dan bersifat responsif dan program bermusim dan bertema. Program pembangunan belia khusus merangkumi kepimpinan, pendidikan, kemahiran, keusahawanan, kesukarelawan dan pengantarabangsaan. Ini merupakan

enam bidang fokus keutamaan program MBM yang dijalankan sejak zaman berzaman namun MBM tidak mempunyai model dan konsep bagi perencanaan dan perancangan program dan aktivitinya.

Model Perencanaan Program Interaktif Caffarella

Caffarella (2002) menggariskan model interaktif dengan 12 konsep bagi perencanaan program dan aktiviti dengan pendekatan yang menarik (Rajah 2). Ia memberikan peluang proses pembuatan keputusan kepada pihak yang diberikan peranan untuk merangka program untuk golongan dewasa. Walaupun model ini sesuai untuk golongan dewasa kerana golongan ini berbeza daripada peranan sosial daripada golongan muda (Shi, 2017), namun prinsip asas dan kerangka umum model ini juga sesuai amat sesuai dan anjal untuk perancangan umum program merentas gender, budaya dan keupayaan. Justeru itu, ia sudah tentu sesuai untuk perancangan program belia khususnya yang dikelolakan oleh MBM.




Rajah 2: Model Perencanaan Program Interaktif Caffarella

(Sumber: Caffarella (2002). *Planning Programs for Adult Learners: A Practical Guide for Educators, Trainers, and Staff Developers*. Jossey Bass)

Amalan Perencanaan Program Majlis Belia Malaysia

Kajian mendapati bahawa MBM merujuk DBM yang berteraskan PYD dalam setiap perencanaan dan perancangan programnya namun tidak secara sistematik, strategik dan serius dalam merangka programnya, menyebabkan program banyak bersifat *ad hoc* dan tidak benar-benar dapat menyerlahkan potensi belia (Jufitri *et al.*, 2017). MBM dalam perencanaan dan perancangan organisasi dan programnya turut merujuk Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007, dapatan-dapatan kajian IYRES, Indeks Belia Malaysia (IBM) dan usul-usul daripada Parlimen Belia. Kesemua elemen-elemen di atas terutamanya DBM yang berteraskan PYD merupakan *input* dalam perencanaan dan perancangan aktiviti dan program MBM namun berdasarkan sorotan literatur tidak jelas mekanisme atau proses yang dipakai oleh MBM bagi mencapai *output* dan *outcome* Matlamat 8C. Justeru sorotan literatur ini telah mencadangkan agar penggunaan Model Perencanaan Program Interaktif Caffarella sebagai mekanisme atau proses kepada MBM bagi mengadakan perencanaan dan perancangan aktiviti dan program berpandukan DBM yang berteraskan PYD bagi mencapai *output* dan *outcome* yang didambakan iaitu Matlamat 8C.

Rajah 3 merupakan kerangka konseptual kajian yang dicadangkan bermula dengan *input* iaitu DBM sebagai dokumen rujukan utama yang memandu setiap perancangan dan perencanaan program dan aktiviti MBM. Segala perancangan, perencanaan dan pelaksanaan program dan aktiviti MBM merupakan suatu proses menggunakan Model Perencanaan Program Interaktif Caffarella yang diharap akan menghasilkan *output* iaitu Matlamat 8C.



Rajah 3: Kerangka Konseptual Kajian

Limitasi Kajian

Pengetahuan dan amalan MBM dalam menerajui PYD yang menjadi teras DBM (2015-2035) diterokai dalam kalangan kepimpinan tertinggi MBM sebagai konteks pengumpulan data kajian kerana pemimpin merupakan penggerak, pencetus, pencipta, pelaksana dan penilai dalam pembangunan sesebuah organisasi (Ab. Aziz, 2012). Justeru itu, kajian ini menumpukan kepada kepimpinan tertinggi MBM terdiri daripada Exco MBM, mantan Exco MBM dan pimpinan MBM yang menganggotai Dewan Tertinggi MBM sebagai informan utama. Informan terdiri daripada kalangan pemimpin tertinggi MBM kerana kajian ini memfokuskan kepada pemegang taruh utama pembangunan belia iaitu MBM dan kajian ini tidak dapat menggambarkan pengetahuan dan amalan PYD dalam konteks yang lebih luas sehingga melibatkan pemimpin belia di peringkat badan gabungan kebangsaan, Majlis Belia Negeri, Majlis Belia Daerah dan akar umbi.

Kajian ini juga hanya akan memfokuskan kepada keberhasilan pembentukan Matlamat 8C dan tidak kepada aset dalaman dan aset luaran belia disebabkan faktor fokus dan masa yang agak terbatas. Kajian terhadap dua aset ini memerlukan masa yang lebih lama dan responden yang lebih ramai. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif yang melibatkan informan dalam kalangan kepimpinan tertinggi MBM terdiri daripada Exco MBM, pimpinan badan gabungan MBM yang menganggotai Dewan Tertinggi dan mantan pimpinan MBM. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan membuat ulasan kepustakaan dan penilaian awal tentang senario pembangunan belia, model program belia dan program serta aktiviti yang telah dilaksanakan oleh MBM daripada pelbagai sumber rasmi sekunder. Ulasan dan penilaian awal ini perlu untuk membuka laluan bagi pelaksanaan suatu kajian yang lebih komprehensif untuk langkah berikutnya.

KESIMPULAN

Artikel ini menyorot kajian lepas mengenai kajian pengetahuan dan amalan kepimpinan tertinggi Majlis Belia Malaysia menerajui pembangunan belia positif dalam Dasar Belia Malaysia 2015-2035 di mana tidak banyak kajian yang dilakukan untuk meneliti implementasi PYD yang menjadi teras DBM dalam aktiviti pembangunan belia terutamanya yang dilaksanakan oleh MBM sebagai pemegang taruh utama pembangunan belia negara. Sorotan kajian telah membuktikan MBM merupakan salah satu pemegang taruh utamanya yang bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan Dasar Belia Malaysia yang berteraskan PYD yang bermatlamatkan 8C melalui perancangan dan perancangan setiap aktiviti dan programnya. Sorotan literatur kajian ini dapat dirumuskan bahawa MBM merujuk DBM yang berteraskan PYD dalam setiap perancangan dan perancangan programnya namun tidak secara sistematik, strategik dan serius dalam merangka programnya, menyebabkan program banyak bersifat *ad hoc* dan tidak benar-benar dapat menyerlahkan potensi belia dan

mencapai Matlamat 8C. Rumusan awal juga mencadangkan agar amalan terbaik bagi MBM menghasilkan Matlamat 8C dalam setiap program dan aktiviti adalah dengan merujuk DBM sebagai input dan mengaplikasikan Model Perencanaan Program Interaktif Caffarella dalam proses perencanaan dan perancangan. Maka cita-cita untuk membangunkan belia menjadi insan seimbang dan madani akan tercapai manakala peranan MBM dilihat akan terus relevan sebagai inkubator melahirkan pemimpin belia dan belia yang hebat.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. (2012). *Pengurusan Pembangunan Organisasi Teori dan Amalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Huzairi Rawee. (2016). Indeks Belia Malaysia: Gambaran Impak Perlaksanaan Dasar Belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 15: 9-15.
- Anwar Ibrahim. (2022). *Membangun Negara Madani, Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2009). Kelompangan Dasar Belia Negara – Menyangga Potensi Belia Menerusi Pendekatan Transformasi Konflik. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 1 (2), 1-22.
- Azimi Hamzah et al. (2015). Laporan Akhir Kajian Mengenai Transformasi Keupayaan Pekerja Belia Malaysia Menerusi Pembangunan Kompetensi Teras dan Standard Pekerjaan. (Tidak diterbitkan). International Youth Centre (IYC) & UPM.
- Azimi Hamzah & Turiman Suandi. (1996). Kertas Kerja Isu dan Cabaran Dalam Pembangunan Belia: Beberapa Pemerhatian Penting. <http://iyres.gov.my/jdownloads/kertaskerja/isu-dan-cabaran-dalam-pembangunan-belia-beberapa-pemerhatian-penting-11.pdf>
- Belton, B. (2011). Youth Work and Islam. Dalam Belton, B. & Sadek Hamid (Eds.), *Youth Work and Islam*. Sense Publishers.
- Benson, P. L. (1997). *All Kids Are Our Kids*. Jossey-Bass Publishers.
- Bernama. (1996). Anwar Mahu Kepimpinan Belia Sedia Program Jelas. http://lib.perdana.org.my/PLF/Digital_Content/Prominent_Leaders/Mahathir/News_1968-2004/1996-1998/1996aj/anwar%20mahu%20kepimpinan%20belia.pdf.
- Caffarella, R. S. (2002). *Planning Programs for Adult Learners: A Practical Guide for Educators, Trainers, and Staff Developers*. Jossey Bass.
- Camino, L. (2000). Youth-adult Partnerships: Entering New Territory in Community Youth Work and Research. *Applied Developmental Science*, 4, 11-20.
- Dasar Belia Malaysia 2015-2035 (2015). Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Haslinda Abdullah et al. (2012). Majlis Belia Malaysia : Quo vadis transformasi era semasa. *Malaysia Journal of Society and Space*, 7(7), 13-19.
- Haslinda Abdullah et al. (2013). The Function of MYC in Youth Development in Malaysia. Conference Proceeding International Conference on Youth, 510-516.
- Haslinda Abdullah et al. (2015). Kesejahteraan Aset Belia Malaysia Kontemporari: Cabaran Awal Ke Arah Merealisasikan Dasar Belia Malaysia. (Tidak diterbitkan). Kementerian Belia dan Sukan.
- Hussain Mohamed. (1986). *Gerakan Belia di Malaysia*. Gateway Publishing House.
- Hussain Mohamed. (1997). *Belia di Malaysia: Masalah, Gerakan dan Masa Depan*. Aneka Publishing.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia IYRES. (2015). *Kajian Pembangunan Kesejahteraan – Aset Belia Malaysia*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia IYRES. (2017). *Pelan Strategik IYRES 2016-2020*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia IYRES. (2022). *Facts and Figures Indeks Belia Malaysia 2021 (IBM' 21)*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (1997). *Malaysia Buku Rasmi Tahunan 1997*. Jabatan Penerangan Malaysia.
- Joha, J., Rahim, S. A., Bahrin, M. S. K., & Ismail, I. A. (2022). The Experience of Malaysian Youth Council in Implementing Malaysian Youth Policy 2015-2035. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(14), 109–119.
- Jufitri Joha. (2017). Dasar Pembangunan Belia di Negeri Sembilan: Soroton dan Saranan Daripada Perspektif Aktivis dan Pekerja Belia. <http://gptd-spain.blogspot.com/2017/10/dasar-pembangunan-belia-di-negeri.html>
- Jufitri Joha. (2022). *Himpunan Genta Rasa Presiden MBM 2018-2022*. MBM & ABIM.
- Kementerian Belia dan Sukan. (2007). *Jelajah Belia*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPBM).
- Lee, T. Y. et al. (2012). Resilience as a positive youth development construct: A conceptual review. *The Scientific World Journal*. <http://dx.doi.org/10.1100/2012/390450>
- Lerner, R. M., et al. (2005). Positive Youth Development A View of the Issues. *The Journal of Early Adolescence*, 25(1), 10–16.
- Lerner, R. M. (2007). *The Good Teen*. Crown Publishers.

- Lerner, R. M., et al. (2012). Promoting positive youth development in the face of contextual changes and challenges: The roles of individual strengths and ecological assets. *New Directions for Youth Development*, 135: 119-128.
- Majalah Pemimpin. (1971). Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Majlis Belia Malaysia. (1988). *40 Tahun Majlis Belia Malaysia*. Majlis Belia Malaysia.
- Majlis Belia Malaysia. (2010). Malaysia Youth Council Direction 2010-2012. Malaysia Institute for Research in Youth Development.
- Majlis Belia Malaysia. (2022). Perlembagaan Majlis Belia Malaysia. Majlis Belia Malaysia.
- Mei-Mei Ang. (2009). *Positive Youth Development in Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan). The Pennsylvania State University, USA.
- Mohammad Redzuan Othman. (2010). *Majlis Belia Malaysia 1948-2008*. Kementerian Belia dan Sukan.
- Mohd. Mursyid Arshad. (2016). *Pembangunan Belia Positif Melalui Proses Pementoran Dalam Program Kepimpinan Belia Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Mohd. Uzaini Mohamad Sani & Suhana Saad. (2018). Pelaksanaan dan Cabaran Penglibatan Belia Dalam Parlimen Belia Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities*, 13(1): 1-17.
- Muhamad Hanapi Jamaludin. (2021). *Surut Pasang Perjuangan MAYC 2000-2021*. JT Books PLT.
- Norfishah Mat Rabi (2021). Penulisan Proposal Penyelidikan Ilmiah. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Rashila Ramli. (2005). Malaysian Youth: From Government Policies to Grassroots Aspirations. Dalam G. Fale & F. Stephanie (Eds.). *Youth in Transition: The Challenges of Generational Change in Asia*. Prosiding 15th Biennial General Conference (hlm. 171-183).
- Samsudin Rahim (2007). Pengurusan Pembangunan Belia ke Arah Pembentukan Generasi 2057. *Pengurusan Pembangunan Belia*, 5, 1-9.
- Search Institute. (2018). Developmental Assets. Search Institute Website. <https://www.search-institute.org/developmental-relationships/developmental-relationships-framework/>
- Shi, H. (2017). Planning Effective Educational Programs for Adult Learners. *World Journal of Education*, 7(3), 79.
- United Nations General Assembly. (1995). Resolution Adopted by the General Assembly. <https://documents-dds-ny.un.org/doc/UNDOC/GEN/N96/771/43/PDF/N9677143.pdf?OpenElement>
- Wasitah Mohd Yusof. (2012). *Penerapan Elemen Pembangunan Belia Positif dalam Perencanaan Program Rakan Muda Jiran Muda*. (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Weikert, P. S., & Benson, P. L. (1998). All Kids Are Our Kids. *Family Relation*, 47, 210.
- Yusuf al-Qaradawi & Muhyiddin Mohd. Yassin. (1995). *Wajah Baru Belia Visi Dua Tokoh*. Celdes.
- Zeldin et al. (2016). Pathways to Youth Empowerment and Community Connectedness: A Study of Youth Adult Partnership in Malaysian After-School, Co-Curricular Programs. *Journal of Youth and Adolescence*, 45(8), 1-14.